

KESAMARATAAN AKSES PENDIDIKAN

Buku Kesamarataan Akses Pendidikan membincangkan isu-isu terkini yang berlaku dalam sistem pendidikan kebangsaan. Walaupun isu pendidikan untuk semua sudah lama dibahaskan dalam konteks pendidikan di seluruh dunia, namun masih terdapat kelemahan dan kelompangan dalam membahaskan isu-isu pendidikan untuk semua ini, terutamanya yang melibatkan kesamarataan akses pendidikan di Malaysia. Kesamarataan akses pendidikan dilihat daripada pelbagai perspektif. Seperti yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM 2013), konsep kesamarataan akses pendidikan diberi perhatian. Antaranya ialah konsep kemenjadian pelajar yang ingi dicapai oleh KPM menjelang tahun 2025. Demikian juga konsep pendidikan dan perpaduan kaum, pendidikan dan perkauman, jantina dan jurang pendidikan, konsep Sekolah Dalam Hospital, konsep Sekolah Harapan, pendidikan untuk pelajar gelandangan, pendidikan pendidikan pelajar pintar berbakat pendidikan pelajar berkeperluan khas dan pendidikan pelajar miskin bandar. Untuk dibahaskan jurang pencapaian akademik antara pelajar bandar dan luar bandar. Semua aspek yang dibincangkan ini perlu difahami dalam konteks pendidikan di Malaysia. Buku ini amat sesuai dijadikan rujukan kepada pelajar, pensyarah, guru, pendidik guru, mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam pengurusan pendidikan di Malaysia. Buku ini juga boleh dijadikan panduan kepada pihak KPM, JPN dan PPD dalam memastikan semua rakyat Malaysia mendapat pendidikan yang percuma dan berkualiti. Semua pihak perlu mendapat pendidikan dan akses pendidikan yang sama rata tara tanpa dibatasi faktor geografi, kaum dan etnik di Malaysia.

ZAMRI MAHAMOD, PhD., ialah merupakan Profesor di Pusat Kajian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, Fakulti Pendidikan, UKM. Berkelulusan Doktor Falsafah bidang Pendidikan Bahasa Melayu dari UKM ini telah berkhidmat hampir 20 tahun di UKM. Bidang kepakaran beliau ialah bidang Pendidikan Bahasa Melayu dan Pendidikan Guru. Sepanjang perkhidmatan, telah menghasilkan banyak artikel jurnal, berpuluh buku ilmiah dan beratus prosiding dalam bidang kepakarannya. ANITA ABDUL RAHMAN, ialah guru bidang pendidikan Matematik. Berpengalaman luas sebagai pendidik selama 20 tahun berkelulusan Sarjana Muda Ekologi Manusia dari UPM serta Diploma Pendidikan dari KPM. Kini bertugas sebagai guru Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang.

 PENERBIT
UKM PRESS
<http://ukmpress.ukm.my>



KESAMARATAAN AKSES PENDIDIKAN

Zamri Mahamod
Anita Abdul Rahman

PENERBIT
UKM
UKM PRESS

KESAMARATAAN AKSES PENDIDIKAN

Zamri Mahamod
Anita Abdul Rahman